Risiko gangguan PITA SUARA

Komunikasi pertuturan menjadi kurang jelas, sukar difahami dan nada suara kedengaran terlalu rendah



DR Marina menunjukkan kelainan (mic) pita suara manusia.

Oleh Hajahfarhana Tarmudi
hajahfarhana@metro.com.my

Suara memainkan peranan penting terutama bagi individu yang terbabit secara langsung dalam kerjaya seperti pensyarah, guru, ahli politik, penyanyi atau sesumpamanya.

Hakikatnya, tiada siapa yang menafikan bahawa suara mempunyai kepentingan tersendiri bagi setiap orang untuk berkomunikasi atau menyampaikan mesej kepada individu lain.

Namun, tanpa disedari lelong atau pita suara yang ber-

Tangan untuk menghasilkan suara ketika bercakap boleh mengalami kelumpuhan.

Pita suara terletak di dalam tekak yang berfungsi untuk pernafasan, mencegah makanan masuk ke dalam paru-paru dan mengeluarkan kahak apabila batuk selain menghasilkan suara.

Menurut Pakar Perunding Jabatan Otorinolaringologi Hospital Canselor Tuanku Muhriz Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (HCTM PPUKM) dan Pusat Pakar UKM (UKMSC), Profesor Madya Dr Marina Mat Baki, pita suara ialah struktur di dalam laring yang simetri serta bergetar ketika bercakap dan menelan serta terbuka takala bernafas.

"Bagi mereka yang mengalami kelumpuhan, sebahagian pita suara ini semuanya tidak akan berfungsi dengan sempurna di kiri atau kanan leher.

"Apabila kedua-dua bahagian pita suara ini tidak berfungsi, ia tidak boleh bergetar. Keadaan ini menyebabkan suara yang keluar menjadi serak, kurang jelas dan intonasinya rendah," katanya.

> Bagi mereka yang mengalami kelumpuhan, sebahagian pita suara ini tertutup manakala bahagian yang mengalami kelumpuhan terus terbuka
>
> DR MARINA

Ujarnya, kelumpuhan yang dialami ini mengakibatkan pesakit mengalami gangguan pita suara, sekali gus menyebabkan komunikasi pertuturan menjadi kurang jelas, sukar difahami dan nada suara pula kedengaran terlalu rendah.

Masalah kelumpuhan pita suara boleh berlaku sama ada pada bahagian kanan, kiri atau kedua-duanya. Pita suara dinaraf dan dikawal oleh saraf 'recurrent laryngeal' yang berada jumper dengan tenggorok di kiri serta kanan leher.

Bahagian kiri saraf yang bermula dari otak akan terus bersambung ke leher, lantas, membelit aorta dan akhirnya ke pita suara. Sebaliknya, saraf pada bahagian kanan bermula dari otak terus ke leher dan pita suara tanpa ke jantung.

Sekiranya kedua-dua saraf ini lumpuh, ia menyebabkan pesakit tidak boleh bernafas kerana pita suara tidak boleh terbuka untuk laluan pernafasan.

Namun, jika sebelah saraf yang lumpuh, ia menyebabkan suara menjadi kenah. Dalam keadaan normal penghasilan suara, aliran udara yang dihasilkan oleh paru-paru akan menggetarkan kedua-dua pita suara yang terbuka.

Apabila sebelah pita suara lumpuh, ia tidak akan tertutup dengan rapat menyebabkan kebocoran kepada aliran udara yang bertanggungjawab menggetarkan pita suara.

Ini menyebabkan getarannya kenah atau tiada. Suara yang kedengaran daripada pesakit sedah olah berbisik.

Keadaan akan bertambah buruk apabila pita suara yang kenah dan tidak tertutup rapat ketika menelan ini membenarkan kemasukan makanan dan air ke dalam paru-paru, sekaligus boleh menyebabkan pneumonia atau jangkitan kuman paru-paru.

Masalah pita suara lumpuh boleh berlaku disebabkan beberapa faktor. Antaranya:

1. Sebab utama ialah pembedahan di bahagian leher seperti membuang tiroid, kanser esofagus, jantung atau dada kiri.
2. Mereka yang pernah terhabit dalam kemalangan atau trauma pada leher.
3. Kemunculan sama ada sel kanser mula merebak ke dalam saraf dan menyebabkan pita suara tidak berfungsi atau kerosakan (tekan kanser) yang menekan pita suara.
4. Strok.
5. Seseorang kelumpuhan suara yang tidak diketahui punca atau idiopathic parahyroid.

Tanda dan gejala lumpuh peti suara:

1. Suara serak atau kasar.
2. Pernafasan pendek.
3. Sakit yang perit pada tekak ketika hendak bercakap dan bertambah perit apabila banyak bercakap.
4. Suara berubah lemah atau tidak normal misalnya kedengaran seperti berbisik.
5. Cepat penat atau lelah apabila bercakap.
6. Tidak boleh menghasilkan bunyi yang lantang.
7. Tidak boleh menelan.
8. Sukar bercakap dengan nada suara yang tinggi.
9. Sering tersedak apabila makan atau minum.

Diagnos dan rawatan

Lumpuh pita suara boleh dikesan secara buaran, iaitu melalui perbualan dengan pesakit untuk mengenal pasti perubahan suara yang dihasilkan. Selain itu, ia juga boleh dikesan melalui endoskop untuk melihat bahagian tekak pada skrin televisyen dan dapat dirakam pada perakam video.

Endoskop yang digabungkan dengan stroboskop membantu menghasilkan imej getaran pita suara yang lebih jelas. Alat skop gentian optik yang dimasukkan melalui hidung adalah kaedah yang paling mudah digunakan kerana ia tidak mengganggu rasa leya kepada pesakit.



PITA suara yang lumpuh tidak mampu tertutup apabila bercakap.

PITA suara yang sihat mampu tertutup membolehkan kita bercakap.

Bagi mengatasikan kesukaran tersebut, pesakit akan menjalani pemeriksaan yang dikenali sebagai elektromyography (LEMG) perlu dilaksanakan. Ujian ini bagi menilai kesan dan sistem saraf di dalam pita suara secara lebih jelas ketika pesakit bercakap.

Selepas pesakit disahkan mengalami kelumpuhan pita suara, mereka akan menjalani rawatan secara berperingkat iaitu sementara atau kekal.

"Rawatan sementara seperti suntikan laryngoplasty berfungsi untuk menjadikan pita suara yang lumpuh menghengkak dalam tempoh empat hingga enam bulan.

"Suntikan ini dilakukan bagi membantu membolehkan pita suara lumpuh bertemu dengan bahagian pita suara normal ketika bercakap. Terapi suara oleh pakar terapi pertuturan juga boleh membantu pada peringkat ini.

"Selepas tempoh berkesan tamat, keadaan pita suara pesakit akan dinilai. Jika tidak berjaya, pesakit disarankan melakukan rawatan kekal untuk memperbaiki pita suara yang lumpuh," katanya.

Pembedahan yang dikenali sebagai thyroplasty itu membolehkan pesakit berkomunikasi seperti individu normal yang lain tanpa sebarang masalah.

Ia adalah selenis kaedah rawatan kekal untuk pita suara lumpuh ini iaitu teknik laryngeal reinservation pemasangan semula otot pita suara yang lumpuh.

"Pembedahan laryngeal reinservation pula bertujuan untuk 'mengarah' pita suara yang lumpuh bagi mengembalikan ketegangan, kekuatan (tone) dan impaks (bulk) pada otot pita suara yang lumpuh.

"Berbanding thyroplasty, teknik pembedahan ini di lakukan ketika pesakit tidak sedar dengan memberi pembiusan kesetiaan.

"Kaedah ini menggantikan saraf lain yang tidak cedera di leher dan menyambung kannya dengan saraf yang bermasalah yang menyebabkan kelumpuhan berkenaan.

"Aktiviti saraf yang baru akan dipanjangkan kepada otot yang lumpuh. Melalui kaedah ini, otot pita suara yang kenah disebabkan kelumpuhan akan bertenaga semula," katanya.

Cara berkenaan membantu mengembalikan atau memperbaiki ton suara walaupun pesakit mengalami lumpuh kekal. Fungsi komunikasi secara berkesan dikembalikan, sekaligus pesakit boleh melakukannya dengan lebih mudah dan selesa.

Bagi mereka yang mengalami kelumpuhan, sebahagian pita suara ini tertutup manakala bahagian yang mengalami kelumpuhan terus terbuka.

Dr Marina berkata, pesakit juga boleh menjalani rawatan suntikan botox pada pita suara yang lumpuh.

"Berbanding dengan pembedahan, suntikan botox ini lebih mudah dan tidak memerlukan pesakit dimasukkan ke wad.

"Pesakit hanya perlu datang ke klinik pakar untuk disuntik botox pada pita suara yang lumpuh.

"Suntikan botox ini boleh bertahan selama tiga hingga enam bulan dan pesakit boleh kembali bercakap dengan normal.

"Bagaimanapun, suntikan botox ini tidak sesuai untuk pesakit yang mempunyai masalah pernafasan kerana ia boleh menyebabkan pesakit sukar bernafas," katanya.

Panduan penjagaan suara:

1. Kesihatan

- **Amalkan cara hidup sihat.** Lakukan senaman, amalkan diet yang sihat, rehat secukupnya serta urus dan kawal emosi atau tekanan dengan bijak.
- **Berhenti merokok.** Merokok boleh menyebabkan risiko mendapat kanser paru-paru dan tekak. Keradangan dan polyps (benjolan kecil) pada lapisan pita suara juga boleh berlaku. Ini akan menyebabkan suara menjadi serak, kasar dan lemah.

2. Pemakanan

- Minum air masuk sekurang kurangnya enam hingga lapan gelas setiap hari. Ini dapat memberikan kelembapan dan melincirkan pita suara. Minum air masuk dengan kuantiti banyak jika keadaan persekitaran sempat tinggal dan tempat kerja kering atau berhabuk.
- Elakkan minum air yang mengandungi kafein (seperti teh dan kopi), alkohol serta minuman berkarbonat kerana pengambilan minuman ini boleh menyebabkan pita suara kering.

3. Penggunaan suara

- Rehatkan suara. Kurangkan bercakap dalam satu jangka masa lama. Kurangkan bercakap semasa selesema, batuk, sakit tekak dan demam.
- Elakkan daripada menerit atau bercakap dengan kuat. Berhenti bercakap dan berehat seketika apabila sekak serasa kering atau perit.
- Elakkan daripada berbisik. Berbisik akan menyebabkan keregangan pada pita suara. Inseera, perlahankan suara saja semasa bercakap.
- Kurangkan berdehem dan batuk dengan kuat. Berdehem dan batuk yang berlebihan akan menyebabkan kecederaan pada pita suara. Minum air atau memelan air liur untuk mengurangkan kekerapan berdehem atau batuk.
- Gunakan pernafasan dan postur badan yang betul semasa bercakap. Aliran pernafasan yang baik boleh membantu penghasilan suara dengan lebih baik.

Penghasilan suara yang baik adalah semasa menghembus nafas dan bukan semasa menarik nafas.

- Gunakan mikrofon apabila bercakap di depan kumpulan orang yang ramai atau membuat pembentangan. Penggunaan mikrofon dapat membantu mengurangkan keregangan pada peti suara anda.